



## Usia persaraan kakitangan bank ditambah, naik kepada 61 tahun

Ercy Gracella Ajos - Mei 14, 2023 @ 3:19pm

bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Perjanjian kolektif (CA) baharu ditandatangani Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) dengan Persatuan Bank Komersial Malaysia menyenaraikan usia persaraan baharu kakitangan bank komersial di negara ini naik kepada 61 tahun.

Perkembangan itu menyaksikan usia persaraan penjawat sektor berkenaan setahun lebih tua berbanding kakitangan sektor lain di negara ini.

Setiausaha Agung NUBE, J Soloman, berkata usia persaraan terkini dalam CA baharu itu merangkumi kakitangan bank komersial yang berkhidmat sepenuh masa dan tidak membabitkan mereka yang bekerja secara kontrak.

"Kakitangan akan dianggap sepenuh masa dan bukan kontrak untuk tahun tambahan itu, yang bermakna mereka akan menerima semua faedah sedia ada," katanya, hari ini.

Beliau berkata, bank-bank bersetuju dengan permintaan kesatuan iuntuk melanjutkan usia persaraan bagi membantu meningkatkan simpanan persaraan pekerja kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan berpendapatan 40 peratus sederhana (M40).

"Kesatuan meminta agar usia persaraan dilanjutkan hingga 65 tahun, tetapi Persatuan Bank Komersial Malaysia bimbang mengenai tahap kesihatan pekerja-pekerja ini," katanya.

Solomon berkata, lanjutan had usia persaraan kepada 61 tahun itu juga tertakluk kepada kesihatan pekerja dan akan bersifat sukarela.

Pekerja lazimnya dikehendaki bersara ketika genap usia 60 tahun dgan mereka yang dikekalkan perkhidmatan selepas itu biasanya diberikan kontrak.

Dalam perkembangan berkaitan, CA baharu dimeterai kedua-dua pihak itu juga memberikan kenaikan gaji sebanyak 15 hingga 18 peratus, elaun sebulan gaji untuk perayaan dan pengecualian yang lebih tinggi bagi pinjaman perumahan.

Awal bulan lalu, Persatuan Khidmat Nasihat Pencarum Perlindungan Sosial Malaysia (SPCAAM) mencadangkan pekerja dibenar bekerja sehingga umur 65 tahun atas kerelaan sendiri bagi memastikan mereka dapat mengurangkan tekanan ekonomi dalam tempoh persaraan.

Penasihat Buruh Antarabangsa SPCAAM, Callistus Antony D'Angelus, dilaporkan berkata, pekerja tidak boleh dipaksa bersara dan mereka juga tidak boleh dipaksa bekerja.

Cadangan itu menyusul selepas laporan simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh rakyat Malaysia yang lebih 51.5 peratus ahlinya bawah umur 55 tahun, kurang daripada RM10,000.

Sebelum ini juga, Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA) menjangkakan had usia persaraan di Malaysia dinaikkan daripada 60 kepada 65 tahun dalam beberapa tahun akan datang, mengambil contoh beberapa negara lain dalam memanfaatkan pekerja berusia untuk keberhasilan negara.